

HORMAT GURU, ILMU BERKAT

Oleh: Qurratul 'Aini binti Badrul Hisham, 1171274,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020



Menuntut ilmu merupakan suatu tuntutan dalam Islam kerana banyak kelebihan bagi penuntut ilmu seperti yang disebut dalam al-Quran dan hadis.

Dalam ayat 11 surah al-Mujadalah, Allah SWT berfirman, “Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat.”

Jiwa manusia berubah seiring dengan peredaran zaman. Dalam era globalisasi, adab berguru semakin diabaikan.

Hal ini kerana kita merasakan ilmu boleh dimiliki secara mudah melalui pelbagai platform yang ada sehingga menyebabkan kita tidak cakna mengenai adab terhadap guru.

Namun, berkatkah ilmu seorang pelajar andai tidak menghormati insan yang bergelar guru?

Pelajar hanya menuntut ilmu sekadar memenuhi tuntutan intelek malangnya tidak pada rohaninya. Pada masa ini, segelintir pelajar cemerlang dalam akademik tetapi gagal sebagai pelajar yang beradab.

Sikap menghormati guru seolah-olah telah hilang. Di manakah letaknya nilai keberkatan sesuatu ilmu jika kita sebagai penuntut tidak menghormati pemberi ilmu, murabbi, guru, pensyarah atau mualim?



Setiap penuntut ilmu perlu mencari keberkatan ilmu agar dapat memberi manfaat dan kebaikan di dunia dan di akhirat.

Salah satu cara untuk mendapatkan keberkatan ilmu adalah dengan menghormati guru. Saidina Ali k.w.j. pernah memberi pesanan tentang menghormati guru, “Hak seorang alim (guru) yang wajib atas dirimu ialah dengan memberi salam kepada semua orang yang berada dalam majlisnya dan mengkhususkannya dengan berjabat tangan.

“Hendaklah duduk berhadapan dengannya, tidak boleh menunjuk jari di hadapannya, tidak boleh mengerling mata dengan orang lain di hadapannya, tidak menyebut kata-kata orang lain di hadapannya, tidak boleh mencaci orang di hadapannya dan sekiranya dia melakukan kesilapan hendaklah dia memaafkannya.

“Muliakanlah dirinya kerana Allah SWT dan sekiranya dia memerlukan sesuatu. Hendaklah segera menghulurkan bantuan kepadanya, jangan memuji-muji orang lain di dalam majlisnya, jangan menarik bajunya, jangan memaksanya jika dia keberatan dan jangan merasa jemu duduk bersamanya.

“Anggap dia laksana lebah dan dirimu menunggu sesuatu yang akan jatuh daripadanya pada bila-bila masa sahaja.”

Ringkasnya, jika ingin mendapatkan ilmu yang berkat dan hidup yang bermanfaat, gunakanlah ilmu yang kita miliki untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat di sekeliling.